

# CYCLOPHOSPHAMIDE

---

## Maklumat Penting mengenai Cyclophosphamide

Risalah ini mengandungi maklumat mengenai ubat Cyclophosphamide. Namun, maklumat ini tidak dapat menjawab kesemua soalan tentang Cyclophosphamide. Ia juga tidak boleh menggantikan perbincangan antara pesakit dengan doktor atau ahli farmasi. Sila gunakan maklumat ini sebagai panduan untuk bertanyakan soalan yang lebih lanjut kepada doktor atau ahli farmasi anda.

## Apakah kegunaan Cyclophosphamide?

Cyclophosphamide ialah ubat yang digunakan dalam rawatan sindrom Nephrotic (*Nephrotic Syndrome*) dan lain-lain penyakit autoimun. Ia tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang boleh merendahkan sistem imunisasi badan (tetapi tidak diklasifikasikan sebagai steroid) atau agen pengakil.

Cyclophosphamide berfungsi secara mengganggu sintesis asid deoksiribonukleik (DNA) dalam sel, oleh itu sel-sel sedemikian akan terjejas, lalu ini akan merosakkan sel-sel. Sesetengah sel-sel yang  mungkin terjejas adalah sel imun yang memainkan peranan penting dalam sindrom Nephrotic dan penyakit autoimun.

## Berapa lamakah kesan dapat dilihat selepas mengambil Cyclophosphamide?

Cyclophosphamide akan mula ~~memberi~~berkesan sekurang-kurangnya 8 minggu atau lebih selepas pengambilan ubat ini. Namun, untuk mencapai kesan yang sepenuhnya, ia mungkin mengambil masa ~~sehingga beberapa~~beberapa bulan atau lebih lama.

## Bilakah ~~harus~~ ubat ini harus diambil?

Ubat ini harus dimakan pada awal pagi semasa pundi kencing lebih aktif. Ubat ini tidak harus dimakan sebelum ~~masa~~waktu tidur.

## Bagaimanakah ~~harus~~ ubat ini harus diambil?

Cyclophosphamide boleh diambil secara oral (dalam bentuk pil) atau diberikan melalui suntikan (hospital sahaja). Untuk mendapatkan kadar penyerapan yang sepenuhnya, Cyclophosphamide perlu diambil secara oral SATU kali sehari sebelum makan, sebaik-baiknya sejam sebelum makan, atau dua jam selepas makan. Walau bagaimanapun, jika ~~cyclophosphamide~~Cyclophosphamide menyebabkan ketidakselesaan perut, anda boleh mengambil ubat selepas makan. Anda dinasihati untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi tentang cara pengambilan ubat ini jikalau anda ingin membuat demikian.

Ubat ini mungkin mengakibatkan keradangan pundi kencing, oleh itu anda perlu minum lebih banyak air supaya kesan ini boleh dikurangkan. Minum sekurang-kurangnya 8 hingga -10 gelas air sehari untuk orang dewasa.

---

Hubungi doktor pakar anda, atau ahli farmasi di talian 6394 1500/1501 untuk maklumat yang lebih lanjut  
(Disember 2012) (Dikemaskini Februari 2016)

-(Oktober 2012)

Jangan berhenti mengambil Cyclophosphamide melainkan anda diarah oleh doktor anda. Jangan melebihi atau mengurangkan dos Cyclophosphamide kecuali anda diarah untuk membuat sedemikian.

### Apakah yang harus anda lakukan sekiranya anda tertinggal satu dos?

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang terdilupa tadi, dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terdilupa pada masa yang sama

### Panduan keselamatan semasa mengendalikan ubat Cyclophosphamide

Untuk mengurangkan pendedahan ubat ini kepada ahli keluarga yang lain, anda dinasihati untuk mengendalikan ubat ini mengikut cara-cara yang berikut:

1. Gunakan sudu yang dikhususkan untuk pengambilan ubat Cyclophosphamide semasa mengambil ubat ini secara oral. Elakkan daripada menyentuh ubat ini dengan tangan. Cuci tangan and dan sudu yang telah digunakan sehingga bersih sebaik sahaja selesai mengambil ubat Cyclophosphamide.
2. **Wanita yang hamil atau wanita yang sedang menyusui anak dinasihati** untuk menggunakan sarung tangan sebagai langkah keselamatan semasa mengendalikan ubat Cyclophosphamide.
3. Untuk pesakit yang tidak berupaya menelan ubat, ubat Cyclophosphamide boleh direndam di dalam air selama beberapa minit sebelum dihancurkan dan dicairkan. Dengan cara ini, sedutan serbuk ubat dapat dikurangkan semasa proses penghancuran dan pencairan.

### Apakah kesan sampingan yang mungkin dialami dengan pengambilan ubat Cyclophosphamide? Apakah langkah-langkah yang patut diambil jika berlaku sedemikian?

Anda mungkin mengalami kesan-kesan sampingan semasa mengambil ubat cyclophosphamideCyclophosphamide. Beritahu doktor anda jika anda mengalami kesan sampingan yang berikut. Ini supaya tersebut agar penyesuaian ke atas rawatan anda boleh dibuat untuk mengurangkan kejadian kesan sampingan yang berikut:-

- 1. Penipisan rambut (kebanyakannya boleh dirawat)
- 2. Sakit perut, pPerasaan loya dan muntah

Beritahulah Sila maklumkan doktor anda jika anda mengalami kesan-kesan sampingan yang lain, atau jika kesan sampingan yang anda hadapi menjadi semakin teruk dan mengganggu aktiviti-aktiviti seharian anda.

Antara kesan sampingan yang serius yang mungkin tetapi jarang berlaku semasa pengambilan ubat Cyclophosphamide ialah:-

- Penindasan sumsum tulang: ditunjukkan seperti sakit tekak, ulser mulut, lebam/pendarahan yang tidak diketahui sebabnya, keletihan luar biasa, jangkitan atau demam berterusan, atau jangkitan

---

Hubungi doktor pakar anda, atau ahli farmasi di talian 6394 1500/1501 untuk maklumat yang lebih lanjut  
(Disember 2012) (Dikemaskini Februari 2016)

-(Oktober 2012)

~~kuman yang kerap berlaku (melebihi daripada 2 kejadian sebulan). Penindasan sumsum tulang yang menyebabkan kurangnya bilangan sel darah putih dan jangkitan kuman yang kerap berlaku (lebih daripada dua episod setiap bulan). ulser mulut~~

- ~~• bengkak-bengkak atau lebam-lebam yang tidak boleh dijelaskan sebabnya. keletihan atau kelemahan badan, demam yang berterusan~~
- Darah semasa kencing
- Kemunculan tahi lalat tiba-tiba, perubahan warna kulit, kebengkakan nodus limfa.

Jika anda menghadapi kesan-kesan sampingan ini, anda harus berhenti mengambil ubat Cyclophosphamide dan hubungi doktor anda dengan segera.

### **Ubat atau makanan yang perlu dielak semasa mengambil Cyclophosphamide**

Jangan mengambil ubat-ubat lain atau produk herba tanpa berbincang dahulu dengan doktor atau ahli farmasi. Sesetengah ubat atau makanan bukan sahaja boleh mengurangkan keberkesanan ubat ~~cyclophosphamide~~[Cyclophosphamide](#), malah ia juga boleh meningkatkan terjadinya kesan-kesan sampingan sehinggakan rawatan dan pengawasan rapi diperlukan.

Ubat-ubat yang harus dielak termasuk:

1. Ubat ~~tipis-mencairkan~~ darah seperti Warfarin
2. Sesetengah antibiotik seperti Rifampicin, Ciprofloxacin, Erythromycin, Clarithromycin
3. Ubat anti-HIV
4. Ubat anti-kulat seperti Ketoconazole, Voriconazole
5. Ubat anti-epileptik seperti Carbamazepine dan ~~phenytoin~~[Phenytoin](#)
6. Vaksin yang hidup, seperti vaksin BCG, MMR dan beberapa jenis vaksin polio atau influenza
7. Limau gedang atau Pomelo
8. St John Wort
9. Echinacea

**Penafian—:** Senarai ubat di atas ini tidak lengkap. Jika ~~anda-adaterdapat~~ keraguan dalam mana-mana aspek, beritahulah kepada doktor pakar atau ahli farmasi anda, lebih-lebih lagi jika anda mengambil ubat-ubat lain atau suplemen semasa menerima rawatan dengan Cyclophosphamide.

### **Bagaimanakah ~~harus~~ ubat ini harus disimpan?**

~~Simpan ubat ini di tempat yang jauh daripada pencapaian dan penglihatan~~[Jauhi atau elakkan daripada dilihat oleh](#) kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C.

### **Maklumat Umum**

---

Hubungi doktor pakar anda, atau ahli farmasi di talian 6394 1500/1501 untuk maklumat yang lebih lanjut  
(Disember 2012) (Dikemaskini Februari 2016)

—( ~~Oktober 2012~~ )

### **Patuhi ~~kepada susulan~~ rawatan susulan ke doktor**

Jika anda sedang menerima rawatan dengan ~~cyclophosphamide~~Cyclophosphamide, anda dinasihati untuk berjumpa dengan doktor pakar anda dari semasa ke semasa. Pengambilan ujian darah pada masa yang tetap amat penting—~~ini adalah untuk memeriksa tahap kesihatan anda bagi menilai~~bagi memastikan tahap keberkesanan rawatan dan menangani masalah yang berkaitan dengan rawatan~~juga memeriksa kesan ubat ini terhadap~~ anda. Ujian ini mungkin lebih kerap dilakukan untuk beberapa bulan ~~bila mula mengambil ubat ini yang pertama~~.

### **Rancangan untuk berkeluarga**

Bincangkan dengan doktor pakar anda jika anda merancang untuk berkeluarga, semasa mengambil ubat Cyclophosphamide. Ini adalah untuk ~~meningkatkan~~ mengelakkan kecacatan yang mungkin akan berlaku pada bayi anda semasa rawatan.

### **Bekalan Ubat**

Anda dinasihati supaya tidak membeli bekalan ubat ~~lebih melebihi~~ daripada yang diperlukan sehingga anda berjumpa dengan doktor. Ini adalah untuk mengelakkan pembaziran ubat jika dos ubat anda berubah atau rawatan dengan ubat ~~cyclophosphamide~~Cyclophosphamide dihentikan.

### **Cara yang betul untuk membuang melupuskan ubat Cyclophosphamide**

Anda dinasihati untuk mengembalikan bekalan Cyclophosphamide yang berlebihan ~~kepada~~ kepada farmasi hospital selepas tamatnya rawatan untuk ~~cara pembuangan yang dilupuskan dengan~~ selamat.

### **Nasihat Lain**

Jikalau anda hamil atau sedang menyusui bayi anda, anda perlu ~~memberi~~ memberi lebih prihatin semasa mengambil Cyclophosphamide kerana ia mungkin menjejaskan kesihatan janin atau bayi.

Jangan memberi Cyclophosphamide kepada orang lain. Ia telah ditetapkan untuk keadaan tertentu, dan mungkin bukan rawatan yang betul kepada orang lain, dan boleh membahayakan orang yang sedang mengandung atau menyusui bayi.

---

Hubungi doktor pakar anda, atau ahli farmasi di talian 6394 1500/1501 untuk maklumat yang lebih lanjut  
(Disember 2012) (Dikemaskini Februari 2016)

—(Oktober 2012)



**SingHealth**

Version 1

Last Review : 28/02/2016

Produced by Department of Pharmacy

KK Women's and Children's Hospital

**PATIENTS. AT THE HEART OF ALL WE DO.®**

---

Hubungi doktor pakar anda, atau ahli farmasi di talian 6394 1500/1501 untuk maklumat yang lebih lanjut  
(Disember 2012) (Dikemaskini Februari 2016)

—( Oktober 2012)